

BAB 4

KOSHER : ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF PEMIKIRAN HUKUM ISLAM

4.1 PENGENALAN

Orang Yahudi melabelkan makanan yang dibenarkan menurut agama mereka sebagai Kosher dan bagi orang Kristian tiada pengenalan nama yang khusus. Penganut Yahudi pada dasarnya terbahagi kepada tiga kumpulan yang utama iaitu *Orthodox*, *Conservative* dan *Modern (Reform)*. Berdasarkan ketiga-tiga kumpulan tersebut, Yahudi *Orthodox* merupakan kumpulan yang berpegang kuat dengan peraturan Kosher dalam kehidupan mereka. Kumpulan Yahudi konservatif juga berpegang kepada peraturan makanan Kosher, namun pengamalan mereka terhadap makanan Kosher agak longgar sedikit berbanding amalan Yahudi *Orthodox*. Namun, kumpulan Yahudi modern (*Reform Jews*) pada hari ini secara amnya tidak mengamalkan sistem makanan Kosher dalam kehidupan mereka.¹

Namun sejak kebelakangan ini, tahap kesedaran masyarakat Yahudi terhadap makanan Kosher telah meningkat dan industri makanan Kosher juga berkembang pesat. Menurut syarikat pengiklanan makanan Kosher iaitu Integrated Marketing di Amerika Syarikat menyatakan, terdapat hampir 75 000 jenis produk makanan Kosher dalam pasaran makanan.² Secara tidak langsung produk ini memberi pengaruh yang besar dalam pemilihan makanan dalam kalangan pengguna muslim yang berada di luar negara untuk memilih makanan Kosher ataupun sebaliknya.

¹ J.M. Regenstien, M.M. Chaundry dan C.E. Regenstien (2003) *The Kosher and Halal Food Laws; Comprehensive Reviews in Food Science and Food Safety Journal*. Vol. 2, Institute of Food Technologists. h. 122.

² *Ibid.* h. 122.

Persoalan makanan Ahli Kitab ini telah lama diperbahaskan oleh para sarjana Islam. Permasalahan ini adalah berkaitan dengan status penganut Yahudi atau Ahli Kitab dalam perspektif agama Islam. Agama Yahudi merupakan agama Samawi yang menyakini 'keesaan' Allah (*the unity of God*). Agama ini juga menolak segala kepercayaan kepada banyak Tuhan atau dewa (*polytheism*) dan sebarang penyembahan berhala. Allah juga dikenali dengan nama lain sebagai *Yahweh, Elohim, Adoniah* dan *Schinah* yang bermaksud esa dan wujud, kuasa dan ilmu yang mutlak.

Persoalan yang wujud, adakah makanan Kosher bertepatan dengan syariat Islam. Pada sesetengah keadaan, sebahagian Rabbai (Pendeta Yahudi) membenarkan penggunaan alkohol (arak) dan sebarang unsur babi dalam produk makanan Kosher mereka. Walaupun dalam kitab mereka jelas menyatakan larangan memakan babi.³ Hanya Yahudi yang mengamalkan *lenient Kosher*⁴ sahaja menerima gelatin dari unsur babi dalam makanan mereka.⁵

Pada dasarnya, al-Qur'ān memberi pengiktirafan bahawa makanan Ahli Kitab halal bagi orang Islam dan makanan orang Islam halal bagi mereka.⁶ Apa yang telah berlaku ialah para Rabbai mengubah teks asal agama mereka seperti menghalalkan minuman beralkohol atau arak yang jelas haram dinyatakan dalam Perjanjian Lama (*Old Testament*).⁷

³ Imamat 11:7-8

⁴ Lenient Kosher adalah golongan Yahudi yang mengamalkan peraturan pemakanan yang longgar seperti menerima gelatin dari unsur babi kerana ia sudah melalui proses pengolahan kepada bentuk yang berlainan. Kebanyakan mereka adalah dari golongan *Modern (Reform)*. Lihat Lise Stern (2004), *How To Keep Kosher : A Comprehensive Guide to Understanding Jews Dietary Laws*, New York, Harper Collins Publishers Inc. h. 166.

⁵ Mian N. Riaz & Muhammad M. Chaundry, (2001) *Halal Food Production*, CRC Press. h. 150.

⁶ Al-Mā'idah 5 : 5.

⁷ Imamat 10 : 9.

4.2 PRINSIP KOSHER DAN HALAL: ANALISIS PERSAMAAN MENURUT PERSPEKTIF PEMIKIRAN HUKUM ISLAM.

Banyak pandangan daripada ilmuan Islam dalam membahaskan maksud ahli Kitab. Namun, pengkaji akan meneliti beberapa definisi yang telah diberikan oleh mazhab-mazhab dalam bidang syariah bagi menjadikan asas kepada perbahasan makanan Ahli Kitab. Mazhab Hanafi pula menjelaskan, definisi Ahli Kitab ialah mereka yang beriman dengan nabi yang diutuskan dan mengakui dengan kitab yang diturunkan. Mereka termasuk Yahudi, Nasrani dan mereka yang beriman dengan kitab Zabur yang diturunkan kepada Nabi Daud, suhuf yang diturunkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Sis. Oleh yang demikian, mereka adalah yang berpegang teguh dengan agama Samawi dan hukum-hukum Allah.⁸

Pengertian Ahli Kitab menurut mazhab Maliki pula ialah penganut bagi agama Yahudi dan Nasrani yang asal sama seperti yang dinyatakan oleh mazhab Syafi'i.⁹ Definisi Ahli Kitab menurut mazhab Syafi'i ialah mereka merupakan penganut agama Yahudi dan Nasrani yang asal. Mereka membenarkan rasul yang diutuskan dan beriman dengan kitab yang diturunkan kepada mereka. Penganut yang bercanggah dengan agama asal Yahudi dan Nasrani bukan daripada kalangan Ahli Kitab. Mereka yang bercanggah dengan ajaran sebenar dinyatakan sebagai penyembah berhala.¹⁰ Mazhab Hanbali pula menyatakan maksud Ahli Kitab ialah sebahagian daripada penganut Nasrani.¹¹

Al-Shahrastānī telah memberikan definisi Ahli Kitab sebagai “kumpulan yang terkeluar daripada agama yang *ḥanīf* dan syariat Islam. Mereka ialah kumpulan yang

⁸ *Al-Mausu'ah al-Fiqhīyah al-Kuwaitīyah*, Juz. 7, Dār al-Salasal, Kuwait. h. 140.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Ibid.* h. 141.

¹¹ *Ibid.*

mempunyai syariat, hukum-hakam, *hudūd* dan ulama.”¹² Daripada definisi yang dikemukakan ini dapat disenaraikan dua ciri utama Ahli Kitab menurut pandangan al-Shahrastānī:

- a. Mempunyai syariat, hukum-hakam, *hudūd* dan ulama.
- b. Agama mereka telah keluar daripada agama yang lurus.¹³

Yūsūf al-Qardāwī menyatakan bahawa orang Nasrani adalah terkeluar dari agama Islam, mereka tidak beriman dengan Nabi Muhammad dan kitab Al-Qur’ān.¹⁴ Mereka juga tidak menurut syariat yang telah ditetapkan oleh Allah, dan jelas dinyatakan dalam al-Qur’ān, mereka tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat sebagaimana dinyatakan dalam al-Qur’ān¹⁵:

قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا
يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَنْ يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ.

Maksudnya : Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan RasulNya dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu dari orang-orang yang diberikan Kitab (kaum Yahudi dan Nasrani), sehingga mereka membayar "Jizyah" dengan keadaan taat dan merendah diri.

Jumhur ulama menyatakan, Ahli Kitab ialah daripada kalangan Yahudi dan Nasrani yang terdiri daripada pelbagai pecahan dan kumpulan. Tidak termasuk dikalangan mereka yang tidak beriman kepada suhuf yang diturunkan kepada Nabi Ibrahim dan kitab Zabur yang diturunkan kepada Nabi Daud.¹⁶

¹² Imām al-Hāramyn al-Juwaynī (t.t.), *al-Shāmil fī Uṣūl al-Dīn*, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 168.

¹³ Muhammad Azizan bin Sabjan (2000) “*Shahrastani on the People of The Book*”, (Tesis Sarjana, ISTAC, UIA). h. 7.

¹⁴ al-Qardāwī (1985), *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*, Beirut : Maktābah al-Islāmi. h.21.

¹⁵ Al-Taubah : 29.

¹⁶ *Al-Mausu’ah al-Fiqhīyah al-Kuwāīyah*, Op. Cit. h. 140.

4.2.1 Penyembelihan.

Sembelihan bermaksud menyucikan haiwan yang disembelih. Bersuci merupakan sebahagian dari ibadah, dan ibadah memerlukan niat semata-mata hanya kerana Allah. Terdapat pelbagai pendapat dan pandangan ulama berkaitan dengan isu menyebut nama Allah ketika penyembelihan. Menurut Imam Syafi'i yang menyatakan bahawa penyebutan nama Allah ketika menyembelih bukanlah menjadi syarat. Malah, sembelihan Ahli Kitab halal dimakan walaupun mereka tidak menyebut nama Allah sepanjang penyembelihan mereka.

Berdasarkan kajian pengkaji, penyembelih haiwan Kosher dalam agama Yahudi (*Shechita*) menyebut nama Tuhan mereka pada waktu awal penyembelihan dan tidak mengulanginya untuk setiap penyembelihan. Para Rabbai di Amerika menyatakan, para *Shechita* hendaklah menyebut "*Bismillah Allah Akibah*" (Dengan Nama Allah Yang Maha Besar) pada awal proses sembelihan mereka.¹⁷ Menurut David J Rose¹⁸, ungkapan yang perlu diucapkan oleh para *Shechita* ialah "*Blessed art Thou, G-d our Lord, who has sanctified us through his commandments, and blessed us with the instructions on the proper performance of Shechita.*" (Maha Suci Tuhan, Engkau Tuhan Kami, Engkau Yang Telah Mensucikan Kami Dengan Perintah Melakukan Sebaik-baik Sembelihan) Begitu juga, menurut Mohammad Mahazar Hussaini,¹⁹ ungkapan sebelum penyembelihan yang perlu dilafazkan cukup sekadar dengan membaca nama Tuhan atau menyatakan permohonan kepada Tuhan seperti berikut:

"Blessed art Thou, Lord our God, King of the universe, Who hast sanctified us with Thy commandments and commanded us concerning ritual slaughter"

¹⁷ Joe M. Regenstein, Beliau merupakan panel penulis : *The Kosher and Halal Food Laws; Comprehensive Reviews in Food Science and Food Safety Journal* h. 14.

¹⁸ Beliau merupakan *Executive Director, National Council of Shechita Boards*, United Kingdom. Rujuk lampiran temubual melalui e-mail pada 1 September 2010.

¹⁹ Mohammad Mahazar Hussaini (1993) *Islamic Dietary Concepts & Practices*, London, The Islamic Food & Nutrition Council of America, Bedford Park. h.42.

Bermaksud: Maha Suci Engkau Tuhan kami, Raja semesta alam, Engkau yang telah mensucikan kami dengan perintah-perintahMu dan memerintahkan kami tentang upacara penyembelihan ini.

Walaupun begitu, al-Qur’ān menganjurkan penyembelih melafazkan nama Allah (*Bismillāhi Allahū Akbār*) pada setiap binatang ketika penyembelihan dijalankan. Firman Allah dalam Al-Qur’ān yang berbunyi:²⁰

فَكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ.

“Maka makanlah dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, jika betul kamu beriman kepada ayat-ayatNya.”

Menurut Wahbah al-Zuhaylī, penyembelihan yang halal mestilah disembelih mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam agama Islam. Haram menyebut nama selain Allah sepertimana penganut Nasrani menyebut nama al-Masih dan penganut Yahudi menyebut nama ‘Uzair’.²¹

Kedua-dua agama menganjurkan supaya penyembelihan yang dilakukan mestilah dilakukan oleh penyembelih yang telah terlatih dan perlu mengucapkan nama Tuhan agama masing-masing. Sedikit perbezaan adalah dari sudut pengulangan bacaan nama Allah semasa menyembelih bagi setiap haiwan halal dalam agama Islam. Bagi *Shechita*, mereka tidak dibenarkan untuk melakukan pengulangan bacaan dalam proses penyembelihan.²² Mereka hanya dibenarkan untuk membacanya ketika awal proses penyembelihan kecuali jika penyembelih melakukan perkara selain penyembelihan

²⁰ Al-An’ām 6 : 121.

²¹ Wahbāh al-Zuhaylī, (1984), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillātūh*, jil. 2. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 2761.

²² Rujuk lampiran temubual bersama Mr. David J Rose, *Executive Director, National Council of Shechita Boards*, United Kingdom. melalui e-mail pada 1 September 2010.

yang boleh merosakkan proses tersebut, maka penyembelih perlu mengulangi bacaan tersebut.

Perkara asas yang menjadi perbincangan penyembelihan halal dan Kosher di sini adalah merujuk kepada 'siapa' penyembelihan itu diniatkan. Walaupun ada sebahagian penganut Ahli Kitab yang menyebut *Basmalah* ketika menyembelih, hendaklah sebutan itu bersama-sama keyakinan dan keimanan yang sebenar kepada Allah yang Esa.²³ Jika penyembelihan atas nama selain daripada Allah maka hukumnya jelas haram seperti penyembahan untuk pemujaan roh dan sebagainya.

Namun terdapat perselisihan pandangan berkaitan persamaan Allah yang diimani oleh umat Islam dan Tuhan yang dipercayai oleh penganut Yahudi. Adakah Tuhan yang mereka percaya sama dengan akidah muslim yang beriman kepada Allah. Jika diteliti, dalam surah al-Ikhlās telah jelas menyatakan penggunaan kalimah Allah oleh golongan Yahudi dan Muslim adalah berbeza sama sekali. Menurut al-Ikrīmāh dalam tafsīr Ibn Kaṭhīr, sebab turunnya ayat ini berdasarkan pengakuan yang dinyatakan oleh Yahudi yang menyembah 'Uzair sebagai anak Allah, penganut Nasrani pula menyatakan mereka menyembah al-Masih sebagai anak Allah dan kemudiannya Allah menurunkan ayat pertama dalam surah al-Ikhlās sebagai menjelaskan siapakah Allah yang sebenarnya.²⁴ Sekiranya kalimah Allah²⁵ yang digunakan oleh orang yang berpegang pada akidah dan kepercayaan yang berbeza

²³ Perkara ini adalah berdasarkan kepercayaan Ahli Kitab kini yang sukar untuk membuktikan mereka benar-benar beriman kepada Kitab asal yang diturunkan oleh Allah kepada mereka. Rujuk Muhammad Azizan Sabjan, (2009), *The People of Book and The People of a Dubious Book in Islamic Religious Tradition*, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, h. 159.

²⁴ Abū Al-Fuḍā' Ismā'il Bin Umar (1999), *Tafsīr Al-Qur'ān Al-Azīm*, Jil. 8, Dār Toyyibah Lilnasru wa Tauzī', h. 527.

²⁵ Allah yang dinyatakan dalam tafsīr Al-Qur'an Al-Azīm ialah Allah yang Esa, yang tidak dapat dilihat oleh pancaindera, yang tiada pengawal dan tiada perumpamaan seumpamanya. Lihat, *Ibid.* h. 527.

sebagaimana Yahudi masa kini, maka adalah amat wajar ianya dilarang penggunaannya sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah dalam sūrah al-Ikhlās.²⁶

Imam Thirmidzi, Imam al-Hakim dan Imam Ibnu Khuzaimah, telah meriwayatkan sebuah hadis melalui Abū al-‘Alīyah, yang diterima dari Ubay ibnu Ka’ab, bahawasanya orang-orang musyrik telah bertanya kepada Rasulullah SAW : “Ceritakanlah kepada kami Rabbmu.” Maka Allah menurunkan firmanNya seperti dalam surah al- Ikhlas 1 – 4:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ . اللَّهُ الصَّمَدُ . لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ . وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ .

“Katakanlah : “Dialah Allah Yang Maha Esa”. Allah, Tuhan yang bergantung kepadaNya segala sesuatu. Dia tiada beranak dan tiada pula diperanakkan. Dan tiada yang setara denganNya”.

Allah menegaskan kepada Rasulullah SAW, mengenai siapa diriNya dan kualiti-kualiti yang ada padaNya. Kesemua ciri yang sewajibnya wujud pada Tuhan Yang Maha Esa iaitu Allah, sewajarnya menepati ciri-ciri yang disebut dalam surah al-Ikhlās.

Konsep ketuhanan yang dijelaskan dalam agama Yahudi telah dinyatakan dalam Ulangan 6:4 :

‘Hear, O Israel: The LORD our God is one LORD’

Maksudnya: Dengarlah, hai orang Israel: TUHAN itu Allah kita, TUHAN itu esa!²⁷

Namun konsep ini telah dijelaskan lebih lanjut di dalam al-Quran dengan menyatakan bahawa penganut Yahudi telah mencemarkan kepercayaan mereka

²⁶ Lihat kertas kerja Prof Madya Dr Khadijah Mohd Khambali @ Hambali bertajuk *Analisis Kalimah Allah Menurut Perspektif Ahl Sunnah Wa Al-Jamaa*. h. 29. Kertas kerja ini dibentangkan di dalam Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan II, anjuran Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 20-22hb. Julai 2010

²⁷ Ulangan 6: 4.

terhadap Allah yang Maha Esa dengan mengatakan ‘Uzair sebagai anak Allah.²⁸ Perbezaan ini menunjukkan bahawa konsep ketuhanan umat Islam dan Yahudi yang berlainan.²⁹ Tuntasnya, penyembelihan penganut Yahudi juga sebenarnya bukan dilakukan untuk Allah yang Esa, sebagaimana penjelasan Allah dalam agama Islam.

Namun, perbahasan tentang status sembelihan tidak berakhir di sini. Ramai ulama seperti Prof. Dr. Yūsūf Qārḍhawi, Prof. Dr. Wahbah Zuhaili, Dr. Ahmad al-Ṣyarbashī dan majoriti ahli-ahli tafsir serta ahli-ahli fiqh yang menghalalkan sembelihan Ahli Kitab. Hujah yang dinyatakan oleh mereka adalah sembelihan kaum Ahli Kitab, iaitu kaum Yahudi dan Nasrani adalah halal bagi umat Islam tanpa apa-apa syarat atau had kerana Allah SWT telah menurunkan hukum kebolehan ini tanpa meletakkan apa-apa syarat tambahan. Kebolehan ini juga berkuat-kuasa tidak kira samada kaum-kaum tersebut masih berpegang kepada ajaran kitab mereka yang asli ataupun yang telah diubahsuai.³⁰

Ayat yang menghalalkan sembelihan Ahli Kitab bagi umat Islam, iaitu dalam surah al-Maidah ayat ke 5 adalah antara ayat yang terakhir diturunkan sebelum lengkapnya al-Qur’ān ini dan sebelum wafatnya Nabi SAW. Sebelum turunnya ayat tersebut, Allah telah menjelaskan perbuatan Ahli Kitab yang menyeleweng dan menyimpang dari ajaran mereka yang asal seperti menyatakan ‘Uzair sebagai anak Allah dan mengubah ayat-ayat keterangan Allah dalam Taurat dan Injil.³¹ Meskipun terdapat penyelewengan terhadap ajaran ahli Kitab, namun al-Qur’ān tetap mengakui bahawa ada di antara mereka yang tetap berpegang teguh pada ajaran agamaNya.

²⁸ Al-Tawbah 9 : 30-31

²⁹ Khadijah Mohd Khambali , *Op. Cit.* h. 29.

³⁰ Yūsuf Qardhawi (2000) - *Hadyu Islam: Fatwa al-Mua’shirah*, Dār al-Qalam, h.. 812, Lihat juga: Wahbah al-Zuhaylī, (1984), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 550.

³¹ Lihat Al-Baqārah 2: 42, 75 dan 85. Lihat juga Al-Tāwbah 9:31 dan Yunus 10: 68.

Kumpulan minoriti ini dinyatakan dalam al-Qur'ān berdasarkan firman Allah yang berbunyi :³²

لَيْسُوا سَوَاءً مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ يَتْلُونَ آيَاتِ اللَّهِ آنَاءَ اللَّيْلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ
يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُسَارِعُونَ فِي
الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ .

“Mereka itu tidaklah sama, di antara Ahli Kitab ada segolongan yang lurus, mereka membaca ayat-ayat Allah di waktu malam sedang mereka sujud. Mereka beriman kepada Allah dan hari kemudian dan mereka menyeru kepada kebaikan dan mereka mencegah kemungkaran dan mereka bersegera mengerjakan kebaikan dan mereka termasuk di kalangan orang-orang yang soleh.”

Oleh yang demikian, kajian tentang status kepercayaan penganut Yahudi pada masa kini perlu dirujuk pada kepercayaan dan ketaatan mereka kepada Allah. Menurut Dr. Wahbah al-Zuhayli, wujud sebahagian golongan di antara mereka yang beriman dan sebahagian lagi berdosa. Golongan Yahudi yang taat pada perintah Allah, istiqamah pada ajaran agamaNya, taat pada syariatNya, mengikuti Nabi yang diutuskan oleh Allah kepada mereka adalah dari kalangan mereka yang beriman kepada Allah. Mereka juga beriman kepada hari Akhirat dan memerintahkan orang lain melakukan kebajikan dan melarang dari melakukan kemungkaran. Mereka inilah yang diberikan kredit di sisi Allah sebagai orang-orang yang soleh. Di antara mereka yang dinyatakan sebagai Ahli Kitab seperti ‘Abdullah ibn Salām, Asīd ibn ‘Ubayd dan Thā’labah ibn Sa’nah.³³

Maka sembelihan yang halal di sisi Islam yang dilakukan oleh penganut Yahudi ialah mereka yang percaya kepada Allah dan hari kemudian (sebagaimana ajaran asal agama Yahudi). Maka, mereka secara langsung ataupun tidak langsung termasuk

³² Ali-Imrān 3 : 113-114.

³³ Wahbāh Zuhāyilī, (1991) *al-Tafsīr al-Mūnīr fī al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*, juz VI, Beirut : Dār al-Fikr, h. 48.

mereka yang ‘ingkar’ kepada Nabi Muhammad SAW sebagai utusan Allah yang terakhir. Akibat ‘keingkaran’ mereka terpecah kepada kumpulan yang lain sebagaimana firman Allah dalam Al-Qur’ān³⁴:

وَإِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاتَّقُونِ . فَتَقَطَّعُوا أَمْرَهُمْ بَيْنَهُمْ زُبُرًا كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ .

“Sesungguhnya umatMu ini (agama Tauhid) adalah umat yang satu, dan Aku adalah Tuhanmu, maka bertakwalah kepadaKu. Kemudian mereka terbahagi menjadi beberapa pecahan. Tiap-tiap golongan merasa bangga dengan apa yang ada pada sisi mereka (masing-masing).”

Terdapat sebahagian ayat al-Qur’ān yang bersifat positif kepada Ahli Kitab yang menunjukkan kepada mereka yang beriman dan mengikuti ajaran kitab suci mereka serta mengimani ajarannya. Firman Allah dalam Al-Qur’ān.³⁵

الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَتْلُونَهُ حَقَّ تِلَاوَتِهِ أُولَئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِ وَمَنْ يَكْفُرْ بِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ

Orang-orang yang Kami berikan Kitab kepada mereka, sedang mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan (tidak mengubah dan memutarakan maksudnya), mereka itulah orang-orang yang beriman kepadanya dan sesiapa yang mengingkarinya maka mereka itulah orang-orang yang rugi.

Berdasarkan perbincangan di atas, pengkaji bersetuju dengan pandangan Imam Syafi’i yang sentiasa berhati-hati dalam menentukan segala perkara. Sememangnya terdapat banyak perkara yang syubhah dalam menentukan sembelihan mereka. Maka kita dilarang untuk memakan sembelihan mereka pada masa kini. Walaupun ada sebahagian penganut Yahudi yang menyebut nama Allah ketika menyembelih, akan

³⁴ Al-Mū`minūn 23 : 52-53.

³⁵ Al-Baqārāh 2 : 121. Lihat juga al-Mā`idah 5 : 83.

tetapi mengambilkira kejahatan Yahudi sekarang yang sering menipu umat Islam dalam pelbagai perkara terutamanya dalam penyelesaian isu di Palestin yang tiada berkesudahan. Kebanyakan dari mereka adalah kafir Mulhid³⁶.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-7 yang bersidang pada 11 - 12 April 1984 telah membincangkan mengenai Hukum Penyembelihan Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani). Muzakarah telah memutuskan bahawa sembelihan ahli kitab yang asli boleh dimakan oleh orang Islam dengan syarat penyembelihan mengikut kaedah-kaedah yang sah mengikut syarak.³⁷

Pengkaji tidak menafikan kewujudan Ahli Kitab sebagaimana yang dinyatakan dalam surah al-Ma'idah ayat 5, namun ada kemungkinan kewujudannya terlalu sedikit dan tersembunyi. Menurut Muhammad Azizan Sabjan, perkara yang menjadi keraguan ini mestilah di jauhi oleh umat Islam kerana tidak dapat dibuktikan dengan jelas.³⁸

Maka, sembelihan Kosher adalah haram berdasarkan alasan yang berikut;

- i. Ahli Kitab kini yang sukar untuk membuktikan mereka benar-benar beriman kepada Kitab asal yang diturunkan oleh Allah kepada mereka.
- ii. Jika masih wujud Ahli Kitab sebagaimana yang dinyatakan dalam surah al-Ma'idah ayat 5, namun ada kemungkinan kewujudannya terlalu sedikit dan tersembunyi. Maka, pengkaji mengambil pendekatan menjauhi perkara yang diragui adalah jalan yang paling selamat.

³⁶ Kafir Mulhid adalah Kafir dari kalangan Ahli Kitab yang tahu kebenaran agama Islam tetapi masih menentang Islam. Rujuk : al-Ghazali (1961) *Faysal al-tafriqah bayna al-Islam wa-al-Zandaqa*, Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyah, Isá al-Babi al-Halabi, Kaheerah. h.64.

³⁷ Laman web JAKIM, <http://muamalat.islam.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-penyembelihan-ahli-kitab-yahudi-dan-nasrani> pada 29 Disember 2010.

³⁸ Temubual melalui e-mail kepada Professor Madya Dr. Muhammad Azizan Sabjan, Pensyarah Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang Malaysia. pada Hari Isnin, 10 Jan, 2011 jam 10:04 PM.

4.2.2 Perkara yang Haram dan *Therif* dalam kedua-dua agama.

4.2.2.1 Babi.

Terdapat persamaan asas dalam menentukan status haram dan *Therif* dalam kedua-dua agama dalam menentukan status daging babi. Tuhan menyatakan dalam Al-Kitab berkaitan larangan kepada penganut Yahudi memakan daging babi, dalam bab Imamat 11:7-8 seperti berikut :

Jangan makan babi. Babi mesti dianggap haram kerana walaupun berkuku belah, tetapi tidak memamah biak. Jangan makan binatang-binatang itu dan jangan sentuh bangkainya; binatang-binatang itu haram.

Perkara haram yang dinyatakan dalam Islam melibatkan makanan yang tidak dibenarkan ialah seperti daging babi dan makanan terbitan atau campuran daripadanya, arak (alkohol), daging binatang yang mati (bangkai), daging binatang yang disembelih dengan menyebut selain dari nama Allah, darah, dadah dan lain-lain lagi. Makanan yang diharamkan oleh Allah telah dinyatakan dalam firmanNya³⁹ yang berbunyi :

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلِيَ لغيرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ
وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى التُّصْبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا
بِالْأَزْلَامِ .

“Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih, darah daging babi (termasuk semua bahagian haiwan itu)⁴⁰, binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, binatang yang mati tercekik, yang mati terpukul, yang mati kerana terjatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas kecuali yang sempat kamu sembelih (dengan cara sewajarnya) dan yang disembelih atas nama berhala.”

³⁹ Al-Mā'idah 6:3.

⁴⁰ Pengaharaman ini bukan sekadar daging babi sahaja, tetapi termasuk tulang lemak, urat dara, bulu serta organ-organ babi tersebut. Lihat : Mohammad Mahazar Hussaini (1993) *Islamic Dietary Concepts & Practices*, London, The Islamic Food & Nutrition Council of America, Bedford Park. h. 22.

Perbahasan ulama berkaitan daging babi yang terdapat pada ayat di atas, Ibn Kathīr menyatakan dalam tafsirnya, daging dan semua bahagian pada bintang babi adalah haram termasuk lemaknya juga.⁴¹ Walaupun al-Qur'ān hanya melafazkan daging sahaja, namun anggota dan bahagian yang lain juga turut haram.⁴² Pandangan ini disokong oleh al-Qurṭubī dalam kitabnya *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān* yang menyatakan lemak juga sebahagian daripada daging.⁴³ Al-Zamakhsharī juga menyatakan perkara yang sama seperti tafsir al-Qurṭubī.⁴⁴ Selain itu, Ibn Hazm al-Zahīrī berpendapat bulu dan tulang bersumberkan babi haram semuanya melainkan kulit kerana ia suci apabila disamak.⁴⁵ Manakala pandangan Dāwūd al-Zahīrī menyatakan hanya daging sahaja diharamkan, tidak termasuk lemaknya.⁴⁶

Tuntasnya, jumhur ulama bersetuju dengan pengharaman semua anggota babi walaupun Allah SWT menyebut perkataan daging sahaja. Ini kerana kebanyakan manfaat diambil daripada dagingnya. Maka yang lainnya juga sama hukum haram memakannya.⁴⁷ Tegasnya, semua produk makanan melibatkan sumber yang berasaskan khinzir adalah haram dan dikategorikan sebagai najis. Oleh yang demikian, kedua-dua agama tidak membenarkan memakan daging babi dan hukum ini secara jelas dinyatakan di dalam kedua-dua kitab agama masing-masing.

⁴¹ Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl bin 'Umar (2004), *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm*, Juz 3. Riyād : Dār al-Salām. h.16.

⁴² Syihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Alūsī (t.t.), *Rūḥ al-Ma'ānī fī Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm wa Sab' al-Mathānī*, juz. 8, Beirut : Dār Ihyā' al-Turāth al-Arabī, h. 42.

⁴³ Al-Qurṭubī, Abd Allāh Aḥmad bin Muḥammad al-Anṣārī (1998), *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*, juz. 3, Beirut: Dār Fikr. h. 31.

⁴⁴ Abū Qāsim Maḥmūd bin Umar al-Zamakhsharī (1998), *al-Kasysyāf*, juz. 1, Riyād : Maktabah al-'Abikan, h. 359.

⁴⁵ Abū Muḥammad 'Alī bin Aḥmad bin Sa'īd ibn Ḥazam (1347 H), *al-Muḥallā*, juz. 1, Mesir: Maṭba'ah al-Mahḍah bi Syāri' 'Abd al-'Azīz, h. 124.

⁴⁶ Abū Ḥayyān al-Andalusī (t.t.), *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ*, juz. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 622.

⁴⁷ Al-Alūsī (t.t.), *Op. Cit.* h. 44.

4.2.2.2 Darah

Darah merupakan sejenis cecair yang berwarna merah dan mengalir di dalam urat darah makhluk yang bernyawa.⁴⁸ Firman Allah dalam Al-Qur’ān yang berbunyi:⁴⁹

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا
مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خْتِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا
عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ .

“Katakanlah tidaklah aku dapati di dalam apa yang diwahyukan kepadaku sesuatu yang diharamkan bagi si pemakan yang mahu memakannya, kecuali bangkai atau darah yang mengalir atau daging khinzir kerana sesungguhnya ia kotor atau suatu penderhakaan yang disembelih untuk selain daripada Allah. Oleh kerana itu, barangsiapa yang terpaksa, bukan kerana ingin atau sengaja hendak melebihi, maka sesungguhnya Tuhan engkau adalah Pengampun lagi Penyayang.”

Secara umumnya, ulama secara ijma’ telah megharamkan darah yang mengalir kerana ia najis.⁵⁰ Namun, pengharaman ini tidak termasuk darah haiwan air seperti ikan, jantung, limpa dan hati serta sumber darah yang berada dalam saraf bintang selepas ia disembelih selama mana ia tidak mengalir dan darah yang masih kekal selepas dibasuh.⁵¹

Imam al-Ghazālī juga sependapat dengan mazhab Imam Mālikī dan Imam Syafi’i yang menyatakan darah yang mengalir daripada ikan, lalat dan kutu anjing

⁴⁸ Muhammad Rawwās Qal’ahjī (1996), *Mū’jam Lughāh al-Fuqahā’*, Beirut: Dār al-Nafā’is, h. 187.

⁴⁹ Al-An’ām 6 : 145.

⁵⁰ Abū Muḥammad ‘Abd al-Ḥaqq bin Ghālib bin Aṭīyyah al-Andalusī (t.t.), *al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-Azīz*, juz. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 240 ; ‘Abd al-Rahmān bin Muḥammad Makhluṭ Abī Zaid al-Tha’alabī (t.t.), *al-Jawāhir al-Ḥisān fī Tafsīr al-Qur’ān*, juz. 1, Beirut: Dār al-Iḥyā’ al-Turāth al-Arabī, h. 358.

⁵¹ Wahbah al-Zuhaylī, (1984), *Op. Cit.* h. 132.

adalah haram.⁵² Namun begitu, Imam Hanafi dan Ibn ‘Arabi dari kalangan mazhab Imam Maliki tidak meletakkan darah yang keluar daripada badan ikan sebagai najis kerana ia bukannya darah, tetapi bahan lembapan.⁵³ Oleh yang demikian ia adalah bersih jika terkena pada pakaian.⁵⁴ Oleh yang demikian, secara umumnya pandangan mereka selari dengan pengkategorian darah ikan semata-mata termasuk dalam status haram dimakan.

Ajaran agama Yahudi juga mengharamkan penganutnya memakan darah termasuk anggota dalaman haiwan seperti hati dan limpa.⁵⁵ Perkara ini telah dinyatakan dalam *Kejadian* 9 : 4 dan *Imamat* 7: 23-27 yang memberi penerangan jelas berkaitan larangan memakan daging yang berdarah (tidak disembelih). Namun larangan bagi umat Islam hanyalah dari darah yang mengalir, maka hati dan limpa adalah tergolong dari darah yang beku yang terdapat pada haiwan yang disembelih dan ianya halal dimakan.⁵⁶

4.3 PROSES PENYEDIAAN MAKANAN KOSHER DAN HALAL : ANALISIS PERBEZAAN MENURUT PERSPEKTIF PEMIKIRAN HUKUM ISLAM.

4.3.1 Haiwan Yang Dibenarkan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, menunjukkan bahawa segala binatang yang diterima oleh agama Yahudi adalah sama dengan apa yang dihalalkan dalam agama Islam. Namun terdapat beberapa haiwan yang tidak diterima dalam agama

⁵² Al-Ghazālī (2000), *Op.Cit.* h. 140.

⁵³ Muḥammad ibn Aḥmad ibn ‘Arafah al-Dusūqī (1980), *Hāsyiyah al-Dusūqī ‘alā Syarah al-Kabīr*, jilid 1, Kaherah: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-Arabiyyah, h. 157; Muḥammad Fakhr al-Dīn ibn Al-‘Allāmah Diyā’ al-Dīn ‘Umar al-Rāzī (1938), *al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafāṭīḥ al-Ghayb*, juz. 19, Mesir: Maṭba‘ah al-Bahiyyah, h. 21-22.

⁵⁴ Berdasarkan hadis nabi yang bermaksud : Ibnu Mas‘ud bersolat dalam keadaan di perutnya (pakaian) terdapat najis binatang dan darah dari sembelihan korban dan beliau tidak berwudhuk kembali. Rujuk : Sa’īd Hawwā (1994), *al-Asās fī al-Sunnah wa Fiqhīhā*, jilid 1, Mesir: Dār al-Salām, h. 303.

⁵⁵ Zushe Yosef. Blech, (2004) *Op. Cit.* h. 44.

⁵⁶ ‘Abd al-Wahhab Abd al-Salām Tawīlah. (2000). *Aṭṭār al-Lughah fī Ikhtilāf al-Mujtahidīn*. Cet 2. Kaherah: Dār al-Salām. h. 68.

Yahudi, akan tetapi diterima dalam konteks halal seperti unta dan makanan laut yang tidak mempunyai sisik.⁵⁷ Oleh yang demikian, tidak timbul permasalahan bagi penganut Muslim untuk memilih makanan Kosher jika melihat dari aspek haiwan yang dibenarkan dalam agama Yahudi.

Makanan Kosher amat berkait rapat dengan makanan ahli Kitab. Sebagaimana Allah telah berfirman dalam ayat al-Qur'ān :⁵⁸

الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَهُمْ
وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ إِذَا
آتَيْتُمُوهُنَّ أَجْرَهُنَّ مُحْصِنِينَ غَيْرَ مُسَافِحِينَ وَلَا مُتَّخِذِي أَخْدَانٍ وَمَنْ يَكْفُرْ بِالْإِيمَانِ
فَقَدْ حَبِطَ عَمَلُهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ .

“Pada hari ini dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) yang lezat-
lezat serta baik-baik. Dan makanan (sembelihan) orang-orang yang
diberikan al-Kitab itu adalah halal bagi kamu dan makanan (sembelihan)
kamu adalah halal bagi mereka (tidak salah kamu memberi makan
kepada mereka) dan (dihalalkan kamu berkahwin) dengan perempuan-
perempuan yang menjaga kehormatannya di antara perempuan-
perempuan yang beriman, dan juga perempuan-perempuan yang menjaga
kehormatannya dari kalangan orang-orang yang diberikan Kitab dahulu
daripada kamu apabila kamu beri mereka mas kahwinnya, sedang kamu
(dengan cara yang demikian), bernikah bukan berzina dan bukan pula
kamu mengambil mereka menjadi perempuan-perempuan simpanan dan
sesiapa yang ingkar (akan syariat Islam) sesudah dia beriman, maka
sesungguhnya gugurlah amalnya (yang baik) dan adalah dia pada hari
akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.”

⁵⁷ Imamat 11: 1-6

⁵⁸ Al-Mā'idah 5:5

Menurut hadis Ibn ‘Abbās yang diriwayatkan oleh Bukhari, makanan yang dimaksudkan dalam ayat di atas adalah merupakan binatang sembelihan penganut Yahudi, bukannya makanan secara umum.⁵⁹ Makanan-makanan yang lain tidak termasuk dalam konteks halal yang boleh diterima pakai oleh umat Islam. Oleh yang demikian, jumur ulama tafsir bersetuju dengan pandangan ini kerana ianya telah menjadi perbahasan semua ulama tafsir.⁶⁰

Berdasarkan ayat al-Qur’ān di atas, jelas menyatakan bahawa, umat Islam dibenarkan memakan makanan (sembelihan) Ahli Kitab. Namun, pentafsiran dan kefahaman ulama’ terhadap ayat tersebut berbeza-beza⁶¹, sehingga terdapat perselisihan pendapat tentang status sembelihan Ahli Kitab masa kini. Adakah Ahli Kitab benar-benar wujud pada masa kini seperti mana yang dinyatakan dalam al-Qur’ān.

Menurut Al-Qurtubi, ayat diatas mempunyai kaitan dengan ayat Al-Qur’an dalam surah Al-An’am 121 yang menyatakan seperti berikut:

وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ

Maksudnya: Dan janganlah kamu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang tidak disebut nama Allah ketika menyembelihnya, kerana sesungguhnya yang sedemikian itu adalah perbuatan fasik (berdosa).

Oleh yang demikian, Al-Qurtubi menyatakan Ahli Kitab tidak menyebut nama Allah ketika menyembelih melainkan meletakkan tuhan sebagai al-Masih dan Uzair,

⁵⁹ Ahmad Bin Ali Bin Hajar Al-Asqalani, (1379), *Fatḥul Bari; Ibnu Hajar*, Juz 9, Dār Makrifah, Beirut. h. 637.

⁶⁰ Syihab al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Alūsī (t.t.), *Ruh al-Mā’ani fī Tafsīr al-Qur’ān al-Azim wa Sab’ al-Mathanī*, juz. 8, Beirut : Dār Ihyā’ al-Ṭūrath al-Arābī, h. 65.

⁶¹ Perbezaan yang diperselisihkan adalah berkaitan status ahli Kitab yang wujud pada masa kini adakah mereka ini tergolong daripada mereka yang menganut agama Yahudi dan Nasrani (Kristian) kini ataupun mereka yang hanya benar-benar beriman kepada Kitab Taurat dan Injil yang asal sepertimana yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Musa dan Isa. Mazhab Imam Syafi’i mendefinisikan ahli Kitab sebagai golongan Yahudi dan Kristian daripada kalangan Bani Isra’il dan golongan bukan bani Isra’il tetapi beriman dengan Yahudi dan Kristian sebelum penyelewengan. Lihat Badran Abu al-Aynayn Badran (1984), *al-Syari’ah al-Islamiyyah: Tarikḥuma wa Nazariyyat al-Milkiyyah wa al-‘Uqūd*’, Iskandariyyah: Muassasah al-Syabab al-Jami’iyah, h.42.

jika sekalipun mereka mereka menyebut nama Tuhan, bukanlah mereka menyebut atas dasar beribadat kepada Allah semata-mata.⁶²

4.3.2 Penyembelihan Kosher dan Ahli Kitab

Binatang yang disembelih bukan kerana Allah adalah haram dimakan bagi umat Islam. Amalan menyembelih binatang yang bertujuan penyembahan kepada berhala dan untuk menunaikan hajat tertentu adalah haram kerana termasuk dalam perbuatan yang mensyirikkan Allah. Perkara ini banyak dilakukan oleh masyarakat Arab Jahiliyyah yang menyembah berhala dan melakukan korban kepada berhala dengan menyebut nama Tuhan berhala mereka. Larangan ini adalah bertujuan untuk memastikan akidah Tauhid tidak terpesong kerana beribadat selain daripada Allah adalah merupakan amalan syirik.⁶³ Sebagai Muslim segala tindak tanduk kita hanyalah untuk Allah sebagaimana firmanNya⁶⁴ :

قُلْ تَعَالَوْا أَنبُلْ مَا حَرَّمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْ أَلَّا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا.

“Katakanlah, marilah supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kepada kamu iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah sesuatu apapun.”

Menurut Ibu Kathir, maksud menyekutukan Allah adalah dengan melakukan ibadat kepada selain daripada Allah dan mengharamkan apa yang diharamkan Allah bagi mereka.⁶⁵ Namun, secara tuntasnya kepercayaan Ahli Kitab tidak melakukan korban untuk berhala dan Tuhan yang lain selain ‘Allah’. Berdasarkan persamaan tauhid Rububiyyah yang wujud dalam agama Islam dan Yahudi, maka wujud persoalan berkaitan penyembelihan Ahli Kitab yang menyebut nama ‘Allah’ dalam bahasa

⁶² Al-Qurṭubī, Abd Allāh Aḥmad bin Muḥammad al-Anṣārī (1998), *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*, juz. 6, Beirut: Dār Fikr. h. 76.

⁶³ Al-Qarḍāwī, (1980) *Op.Cit.* h. 57.

⁶⁴ Al-An'ām 8: 151

⁶⁵ Abū Al-Fuḍā' Ismail Bin Umar (1999), *Tafsir Al-Qur'ān Al-Azīm*, Juz 3, Dār Toyiyah Lilnasrū wa Tauzi'. h. 360.

Hebrew sepertimana yang dinyatakan dalam agama mereka seperti *Yahweh* dan *Adonai* yang merujuk kepada Allah yang ‘Esa’.

Berdasarkan ayat al-Qur’ān berkaitan penyelewengan ajaran Yahudi yang berbunyi⁶⁶ :

وَقَالَتِ الْيَهُودُ عُزَيْرٌ ابْنُ اللَّهِ وَقَالَتِ النَّصَارَى الْمَسِيحُ ابْنُ اللَّهِ ذَلِكَ قَوْلُهُمْ بِأَفْوَاهِهِمْ
يُضَاهِئُونَ قَوْلَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَبْلُ قَاتَلَهُمُ اللَّهُ أَنَّى يُؤْفَكُونَ اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ
وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَاحِدًا لَّا
إِلَهَ إِلَّا هُوَ سُبْحَانَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ.

“Dan orang-orang Yahudi berkata: ‘Uzair ialah anak Allah dan orang-orang Nasrani berkata: Al-Masih ialah anak Allah. Demikianlah perkataan mereka dengan mulut mereka sendiri, (iaitu) mereka menyamai perkataan orang-orang kafir dahulu; semoga Allah binasakan mereka. Bagaimanakah mereka boleh berpaling dari kebenaran? (30) Mereka menjadikan pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama mereka sebagai Tuhan selain dari Allah dan juga (mereka mempertuhankan) al-Masih anak Mariam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Maha Suci Allah dari apa yang mereka sekutukan.” (31)

Ayat al-Qur’ān di atas menyatakan ajaran Yahudi dan Nasrani telah mengubah kepercayaan sebenar keEsaan kepada Allah. Para ulama tafsir berbeza pendapat tentang keyakinan Yahudi dan Nasrani kepada Allah. Kepercayaan ‘Uzair sebagai putra Allah tidak berlaku secara menyeluruh dalam kalangan penganut Yahudi, melainkan sebahagian Yahudi Arab.⁶⁷ Menurut al-Ṭḥabāthabā’ī, pengertian anak Allah di sini bukan bererti anak yang memiliki unsur ketuhanan, akan tetapi lebih pada orang yang

⁶⁶ Al-Tawbah 9 : 30-31

⁶⁷ Al-Tabāri, (t.t.) *Jāmi’ al-Bayān ‘an Ta’wīl Al-Quran*, Beirut, Dār al-Fikr. Juz 10, h. 110-112.

mendapat anugerah dan dipilih Allah untuk menyelamatkan kitab Taurat dari kebinasaan.⁶⁸ Secara rencamnya, al-Ṭḥabāṭḥabā'ī menyatakan ungkapan 'Uzair anak Allah' tidak berbeza dengan pernyataan orang Yahudi dan Nasrani yang menyatakan bahawa diri mereka sebagai anak-anak dan kekasih Allah sebagaimana firman Allah:⁶⁹

وَقَالَتِ الْيَهُودُ وَالنَّصَارَىٰ نَحْنُ أَبْنَاءُ اللَّهِ وَأَحِبُّهُ

Orang-orang Yahudi dan Nasrani berkata: Kami adalah anak-anak Allah dan yang amat disayangiNya.

Namun perlu ditegaskan bahawa, pengakuan penganut Yahudi ini secara jelasnya telah mengeruhkan ajaran Tauhid yang murni sepertimana yang telah dibawa oleh Nabi Musa a.s. dan kesucian Tauhid dalam agama Islam. Berdasarkan tauhid yang menjadi akidah asal mereka, maka segala bentuk penyembelihan dan korban yang disebut dan diniatkan kepada Allah adalah halal dimakan oleh umat Islam. Namun, jika korban mereka mempunyai niat yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti penyembelihan yang bertujuan menyekutukan Allah, maka umat Islam diharamkan untuk memakannya. Hukum yang sama turut jatuh kepada umat Muslim yang turut melakukan sesuatu korban untuk tujuan yang bertentangan dengan prinsip dan tuntutan syariat Islam, bererti korban tersebut juga adalah haram dimakan. Ini kerana walaupun korban adalah suatu tuntutan agama tetapi tujuannya yang bukan kerana Allah telah meletakkannya sebagai haram dimakan walaupun sembelihan binatang itu adalah binatang yang halal dimakan.

⁶⁸ *Ibid.* h. 112.

⁶⁹ Al-Mā'idah 5 : 8.

Persoalan berkaitan menyebut nama Allah ketika menyembelih binatang dalam agama Islam telah menjadi perbahasan empat mazhab yang utama dalam Islam. Berdasarkan ayat al-Qur'ān yang berbunyi⁷⁰:

فَكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كُنْتُمْ بِآيَاتِهِ مُؤْمِنِينَ . وَمَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ
 اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُرِرْتُمْ إِلَيْهِ وَإِنَّ كَثِيرًا لَيُضِلُّونَ
 بِأَهْوَائِهِمْ بَغَيْرِ عِلْمٍ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِالْمُعْتَدِينَ . وَذَرُوا ظَاهِرَ الْإِثْمِ وَبَاطِنَهُ إِنَّ الَّذِينَ
 يَكْسِبُونَ الْإِثْمَ سَيَجْزَوْنَ بِمَا كَانُوا يَفْتَرُونَ . وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ
 وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ وَإِنَّ الشَّيَاطِينَ لَيُوحُونَ إِلَىٰ أَوْلِيَآئِهِمْ لِيُجَادِلُوكُمْ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ
 لَمُشْرِكُونَ .

Maka makanlah dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, jika betul kamu beriman kepada ayat-ayatNya. (118) Dan tidak ada sebab bagi kamu, (yang menjadikan) kamu tidak mahu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, padahal Allah telah menerangkan satu persatu kepada kamu apa yang diharamkanNya atas kamu, kecuali apa yang kamu terpaksa memakannya? Dan sesungguhnya kebanyakan manusia hendak menyesatkan dengan hawa nafsu mereka dengan tidak berdasarkan pengetahuan. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui akan orang-orang yang melampaui batas. (119) Dan tinggalkanlah kamu dosa yang nyata dan yang tersembunyi. Kerana sesungguhnya orang-orang yang berusaha melakukan dosa, mereka akan dibalas dengan apa yang mereka telah lakukan. (120) Dan janganlah kamu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang tidak disebut nama Allah ketika menyembelihnya, kerana sesungguhnya yang sedemikian itu adalah perbuatan fasik (berdosa) dan sesungguhnya Syaitan-syaitan itu membisikkan kepada pengikut-pengikutnya, supaya mereka membantah (menghasut) kamu dan jika kamu menurut hasutan

⁷⁰ Al-An'ām 6 : 118-121.

mereka (untuk menghalalkan yang haram itu), sesungguhnya kamu tetap menjadi orang-orang musyrik. (121)

Menurut Imam al-Nawawī, sembelihan Ahli Kitab adalah halal menurut kenyataan dalam al-Qur'ān, sama ada mereka menyebut nama Allah atau tidak semasa penyembelihan.⁷¹ Pendapat al-Nawawi terbatas dengan meletakkan perintah menyebut nama Allah semasa proses penyembelihan hanyalah anjuran dan bukanlah suatu kewajipan. Al-Nawawi menetapkan bahawa menyebut nama Allah bukanlah suatu syarat sah sembelihan dalam Islam. Pendapat ini bersesuaian dengan pendapat Imam Syafi'i yang menyatakan sebutan '*basmallah*' dalam penyembelihan bukanlah suatu syarat sah sembelihan.⁷²

Namun dari aspek makanan dan sembelihan Ahli Kitab kini, Syeikh Mahmud Syaltūt juga menyatakan pendapatnya yang lebih tegas terhadap sembelihan Ahli Kitab sepertimana pernyataannya yang menyatakan bahawa sesungguhnya makanan yang diimport dari negeri-negeri Ahli Kitab adalah halal selagi mana kita belum dapat membuktikan bahawa makanan tersebut adalah dari zat yang diharamkan, seperti darah, bangkai dan babi. Maka selain dari perkara tersebut adalah halal, meskipun kita dapat membuktikan bahawa hal tersebut disembelih atas nama selain Allah, atau tidak disembelih dengan sembelihan secara Islam.⁷³

Berdasarkan pernyataan di atas, pendapat yang menyatakan sembelihan Ahli Kitab adalah halal kerana mereka berpegang dengan maksud zahir yang telah dinyatakan Allah dalam surah al-Mā'idah ayat 5. Oleh yang demikian, pengkaji mendapati pendapat ini boleh diperbahaskan kerana ayat yang lain dalam al-Qur'ān

⁷¹ Mūhyi al-Dīn ibn Syārf, (t.t.) *al-Majmū Syarḥ Muḥadhāb*, Zakaria Ali Yūsuf, Kairo. h. 80.

⁷² Kamil Mūsa, (1986) *Aḥkam al-Ath'imāh fi al-Islām*, Beirut, Mu'assasah al-Risalah, h. 100.

⁷³ Mahmūd Syaltut, (1998) *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*, Cairo, Dār al-Fikr, h. 292-293.

Allah telah menyatakan pengharaman makanan yang disembelih selain nama Allah.⁷⁴ Imam Malik menyatakan sembelihan Ahli Kitab yang bertujuan untuk perayaan atau dikhususkan untuk gereja, maka perkara tersebut termasuk dalam kategori binatang yang disembelih atas nama selain Allah. Walaupun begitu, perkara ini tidak sampai pada tingkatan haram untuk dimakan kerana yang dimaksudkan dengan sembelihan atas nama selain Allah dalam perkaitannya dengan Ahli Kitab adalah binatang yang disembelih sebagai persembahan kepada Tuhan mereka dan mereka tidak memakannya.⁷⁵ Akan tetapi, jika sembelihan bertujuan untuk makanan mereka, maka perkara ini termasuk dalam kategori makanan yang halal dimakan.

Terdapat pendapat yang membolehkan memakan sembelihan Ahli Kitab dengan syarat -syarat yang tertentu seperimana pendapat Syeikh Abd al-Majīd Sālīm yang menyatakan sesungguhnya makanan yang diimport dari negeri-negeri Ahli Kitab adalah halal selagi mana ia tidak diketahui bahawa mereka menyebut nama selain Allah semasa penyembelihan, atau haiwan tersebut disembelih dengan cara yang bertentangan dengan syariat Islam seperti perlakuan mencekik dan memukul. Faktor yang paling penting ialah selagi mana ia tidak diketahui bahawa hal tersebut berasal daripada babi, bangkai atau darah.⁷⁶

Kesimpulannya, ketentuan yang Allah berikan dalam surah al-Maidah 5:5 merupakan hukum yang perlu dikaji dengan lebih terperinci dan berhati-hati. Pengkaji amat bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh al-Thābāthabā'ī yang menjelaskan bahawa akidah Ahli Kitab yang ada pada masa ini tidak menyamai sebagaimana akidah Ahli Kitab yang dinyatakan oleh Al-Qur'ān dan kitab asal Taurat. Oleh yang demikian, sembelihan Ahli Kitab pada masa kini adalah haram bagi umat

⁷⁴ Al-An'ām 8: 151

⁷⁵ Zuhaylī, Wahbah (1993), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, juz 1, cet. 4. Damsyik: Dār al-Fikr. h. 751.

⁷⁶ Abd al-Azīz al-Khayyāth, (1981) *al-Aḥ'imah wa al-Dzabā'ih fi al-Islām*, Mathabī Wizarah al-Awqat wa Syū'un wa al-Muqaddasah al-Islamiyāh, h. 63.

Islam kerana kewujudan dan status Ahli Kitab kini amat sukar untuk dipastikan tentang kepercayaan mereka. Sembelihan Ahli Kitab kini adalah satu pilihan jika dalam keadaan darurat kerana ketiadaan sembelihan daging dari kalangan Muslim. Jika sembelihan daging dari kalangan Muslim mudah diperolehi, maka wajib bagi umat Islam memilih makanan halal.

4.3.3 Peralatan Dalam Penyediaan Makanan Kosher dan Halal

Peralatan yang digunakan dalam pemprosesan dan penyajian makanan Kosher perlu diteliti agar segala alatan tersebut benar-benar suci dari perkara yang haram dan najis. Secara tuntasnya, kaedah penyucian peralatan makanan Kosher dan Halal dalam kedua-dua agama adalah berbeza. Undang-undang Kosher mempunyai syarat yang tersendiri untuk menjadikan peralatan yang *Therif* menjadi Kosher, begitu juga dengan peralatan dalam penyediaan makanan halal. Islam mewajibkan segala peralatan yang terkena najis seperti najis *mughalazah* iaitu masakan daging anjing dan babi hendaklah dibersihkan terlebih dahulu dengan air tanah satu kali basuhan kemudian diikuti dengan enam kali air mutlak⁷⁷. Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam hadis⁷⁸ :

Dari Abu Hurairah r.a. katanya: Bersabda Rasulullah SAW; Membersihkan bejana yang dijilat anjing, adalah dengan membasuhnya tujuh kali dan basuhan yang pertama dicampur dengan tanah."

Menurut mazhab Imam Syafi'i, babi adalah sama seperti anjing. Oleh yang demikian, ia mesti dibasuh sebanyak tujuh kali dan salah satu basuhan mesti dengan air bercampur tanah. Dalil mereka ialah dengan mengkiaskannya kepada anjing kerana babi lebih buruk keadaannya dari anjing di mana pengharaman memakannya adalah

⁷⁷ Syihāb al-Dīn Aḥmad Bin Ḥajar al-Haiṭhamī, (t.t.) *Tuhfāul Muḥtaj fī Syarah Minhaj Ṭālibīn*, Juz 1, Mauqī' al-Islām, h. 419.

⁷⁸ Aḥmad Bin Hanbal (t.t.) *Musnad al-Imām Aḥmad Bin Hanbāl*, Juz 2, Muassasah Qurtūbah, Kaherah, h. 360.

sabit dengan nas al-Quran, adapun pengharaman memakan anjing hanya sabit dengan ijtihad.⁷⁹

Cara penyucian dalam peraturan Kosher hanya melibatkan penggunaan alat bagi masakan berasaskan susu kepada masakan berasaskan daging. Bagi agama Yahudi, daging tidak boleh dicampur dengan susu dalam masakan, begitu juga sebaliknya.⁸⁰ Hukum ini juga termasuk dalam penggunaan alatan memasak kedua-dua bahan tersebut juga mesti dipisahkan. Jika peralatan yang sama hendak digunakan, maka proses penyucian yang perlu dilakukan adalah dengan membasuh alatan tersebut dengan sabun, kemudian alat tersebut mestilah dibiarkan selama 24 jam. Seterusnya, peralatan tersebut mestilah direndam di dalam air yang mendidih pada suhu 100°C dengan pemantauan dan pengawasan pegawai Kosher.⁸¹

Oleh yang demikian, proses penyucian peralatan yang digunakan dalam penyediaan makanan Kosher dan penyediaan makanan halal berbeza. Peralatan memasak makanan Kosher yang digunakan untuk memasak bahan arak dan yang mempunyai unsur alkohol juga hendaklah dicuci dahulu dengan air sebelum digunakan untuk memasak makanan halal.

Amalan agama Yahudi tidak meletakkan syarat penyucian penggunaan bahan yang haram seperti daging babi dan seumpamanya pada alatan sama sepertimana yang telah dinyatakan dalam syariat agama Islam. Penggunaan sabun semata-mata tidak memadai bagi mazhab Imam Syafi'i untuk mensucikan alatan yang digunakan untuk memasak makanan yang haram seperti daging babi.⁸² Fatwa Kebangsaan Malaysia telah

⁷⁹ Şhamsuddīn Muḥammad Bin Abī Al-Abbas (t.t.) *Nihāyah al-Muḥṭāj ila Syarah al-Minhaj Talībīn*, Juz 2, Mauqī' al-Islām, h. 335.

⁸⁰ Mian N. Riaz & Muhammad M. Chaundry, (2001) *Op. Cit.* h. 162

⁸¹ Zushe Yosef Blech, (2004) *Kosher Food Production*. Australia, Blackwell Publishing Asia. h. 60-61.

⁸² Şhamsuddīn Muḥammad Bin Abī Al-Abbas (t.t.) *Op. Cit.* h. 335-336. Lihat juga : Muḥammad Bin Idrīs al-Syafi'i, (1393) *al-Umm*, Juz 1, Dar Ma'rifah, Beirut, h. 6.

memutuskan bahawa hanya sabun yang dicampur dengan peratusan tanah yang dibenarkan sahaja boleh digunakan untuk mensucikan najis *mughalazah* bagi menggantikan air tanah.⁸³

4.3.4 Gelatin

Pembangunan teknologi makanan pada hari ini telah banyak memberi sumbangan kepada industri makanan dunia. Gelatin merupakan bahan yang dihasilkan bagi pembuatan gula-gula, produk berasaskan susu dan kapsul ubat-ubatan dan vitamin. Permasalahan timbul apabila gelatin kini boleh didapati dalam dua status samada halal dan haram. Kebiasaannya, sumber gelatin boleh diperolehi daripada kulit babi, anak lembu dan tulang lembu, malahan terdapat juga sumber daripada ikan dan kulit binatang ternakan halal tetapi jumlahnya amat sedikit.⁸⁴

Menurut Joe M. Regenstien, terdapat pegawai Rabbai yang longgar menerima gelatin dari sumber babi sebagai Kosher, akan tetapi majoriti Rabbai Yahudi tidak menerima Gelatin dari sumber babi sebagai makanan Kosher.⁸⁵ Rabbai dari aliran *Orthodox* secara sepakat mengambil gelatin dari sumber haiwan Kosher, tumbuhan dan ikan. Badan pensijilan Kosher yang disahkan tidak menerima gelatin dari sumber yang ragu-ragu statusnya ialah pengesahan Kosher dari OU⁸⁶, OK⁸⁷, Kof-C⁸⁸, Star-K⁸⁹, CRC⁹⁰, VH⁹¹ dan sebagainya.⁹²

⁸³ *Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia* Kali Ke-76 yang bersidang pada 21 - 23 November 2006 telah membincangkan Hukum Melakukan Samak Najis Mughallazah Menggunakan Sabun Tanah Liat. Muzakarah telah memutuskan bahawa sabun yang mengandungi unsur tanah liat boleh digunakan untuk melakukan samak najis mughallazah dengan syarat tanah tersebut suci dan peratusan kandungan tanah dalam sabun melebihi daripada bahan-bahan yang lain serta kaedah samak tersebut dilakukan mengikut syarak. Lihat : <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-melakukan-samak-najis-mughallazah-menggunakan-sabun-tanah-liat> pada 12 Oktober 2010.

⁸⁴ Abu Bakar Haji Hussin (t.t.), "*Tsu Halal Haram Dalam Makanan di Malaysia dan Masalah pengesannya*" (Kertas kerja Laporan Penyelidikan Makanan, Minuman dan lain-lain Barang Gunaan orang Islam, pusat Penyelidikan Islam, BAHEIS, JPM) h. 5.

⁸⁵ Temubual bersama David J. Rose, *Executive Director, National Council of Shechita Boards* di United Kingdom pada Hari Rabu 1Sep, 2010 jam 6:17 pm melalui e-mail.

⁸⁶ OU ialah *Orthodox Union* yang merupakan badan persijilan Kosher yang terbesar, telah memberi pensijilan lebih daripada 500,000 produk yang dihasilkan di lebih daripada 6,000 kilang yang terletak di 80 buah negara di seluruh dunia.

Oleh yang demikian, pemilihan makanan Kosher dari aspek gelatin halal perlu lebih berhati-hati dengan melihat badan pensijilan Kosher yang memberikan pengesahan Kosher yang tidak menerima unsur babi sebagai Kosher seperti simbol OK (Orthodox Kosher). Namun, menurut Haider Z. Khattak, produk Kosher seperti *marshmallows* dan *yogurt* adalah haram kerana mengandungi gelatin dari sumber yang haram.⁹³

4.3.5 Arak

Secara tuntasnya, al-Qur'ān telah menjelaskan berkaitan dengan larangan minuman arak dan perkara yang memabukkan di sisi agama Islam. Menurut firman Allah dalam Al-Quran⁹⁴:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ . إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ .

Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. (90) Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi dan mahu memalingkan kamu daripada mengingat Allah dan daripada

⁸⁷ OK ialah *Orthodox Kosher* yang diketuai oleh Rabbai Don Yoel Levy, beroperasi di enam benua dan disokong oleh lebih daripada 350 ahli professional makanan Kosher, OK telah mengesahkan lebih daripada 300,000 produk Kosher daripada 1,500 syarikat.

⁸⁸ Kof-C ialah salah satu badan pensijilan terkemuka Kosher di Amerika Syarikat.

⁸⁹ Star-K ialah Badan pensijilan Kosher yang terletak di USA.

⁹⁰ CRC ialah badan pengesahan Kosher yang terbesar di Amerika Utara.

⁹¹ VH ialah badan pensijilan Kosher yang terletak di India.

⁹² Rujuk lampiran temubual bersama Joe M. Regenstein melalui e-mail pada 1 September 2010, Beliau merupakan penulis buku *Halal Food Production* dan Professor di Cornell University Ithaca, New York. Bidang penyelidikan beliau berkaitan sains dan teknologi, makanan Halal, Kosher, etnik dan agama-agama lain. Lihat : <http://gradededucation.lifesciences.cornell.edu/faculty/individual5734> 13 Oktober 2010.

⁹³ Temubual melalui e-mail kepada Haider Z. Khattak, Pengarah *Islamic Food and Nutrition Council of America* (IFANCA) Canada, pada Hari Jumaat, 7 Aug, 2009 Jam 1:53 am.

⁹⁴ Al-Maidah 5 : 90.

mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)? (91)

Menurut ajaran Yahudi Ortodhox, semua produk berasaskan anggur adalah Kosher. Penganut Yahudi dibenarkan untuk minum arak yang diperbuat daripada anggur dengan syarat arak tersebut dihasilkan oleh penganut Yahudi sahaja.⁹⁵ Larangan untuk meminum arak hanya dikhususkan kepada arak yang telah dijadikan pemujaan dan telah digunakan bagi tujuan keagamaan yang tertentu. Arak yang *Therif* tidak akan menjadi Kosher walaupun ia dimasak (*Yayin Mevushal*) untuk kegunaan minuman.⁹⁶ Arak Kosher yang telah bercampur dengan arak yang non-Kosher juga merupakan *Therif* dalam agama Yahudi. Arak yang dihasilkan oleh orang bukan Yahudi dinyatakan sebagai minuman *Therif*.

Maka, jelas bahawa prinsip Kosher mereka amat bertentangan dengan prinsip halal. Islam melarang keras kepada penganutnya untuk meminum arak. Hukuman yang dikenakan kepada peminum arak juga jelas dinyatakan dalam hadis Nabi⁹⁷ iaitu

أن النبي أتى برجل قد شرب الخمر , فجلده بجريدتين نحو أربعين .

Maksudnya : Nabi telah didatangi oleh seorang lelaki yang telah meminum arak, lalu telah disebatnya dengan dua pelepah tamar sebanyak 40 kali.

Larangan bagi umat Islam bukan sekadar haram untuk meminum arak, namun larangan ini termasuk sembilan lagi golongan seperti pemerah arak, orang yang meminta diperahkan arak untuknya, pembawa arak, meminta dibawa arak kepadanya, memberi minum arak kepada orang lain, penjual arak iaitu orang yang menjual arak,

⁹⁵ Zushe Yosef Blech, (2004) *Kosher Food Production*. Australia, Blackwell Publishing Asia. h.. 121.

⁹⁶ *Ibid.* h. 121.

⁹⁷ Mūsīlim Bin Al-Hajjaj Abū Al-Hasan Al-Qusyairī, (t.t.) *Sāhīh Muslim*, Juz 9, Mauqī' Al-Islam, h. 82, no. 3218.

orang yang mendapat hasil daripada arak walaupun sedikit, orang yang membeli arak sama ada untuk dirinya atau orang lain dan orang yang meminta dibelikan arak untuknya.⁹⁸

Perbezaan yang jelas dalam konteks Halal dalam agama Islam dan Kosher dalam agama Yahudi adalah dari aspek peraturan penggunaan arak. Islam melarang keras umat Islam minum arak walaupun sedikit atau kuantiti yang tidak memabukkan. Perkara ini jelas dinyatakan dalam hadis:⁹⁹

ما أسكر كثيره فقليله حرام

Maksudnya:

Sesuatu penggunaan banyak yang memabukkan, yang sedikit juga adalah haram.

Hadis ini juga dinyatakan dalam hadis Nabi SAW yang lain:¹⁰⁰

كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ مَا أَسْكُرَ كَثِيرُهُ فَقَلِيلُهُ حَرَامٌ

Maksudnya:

Setiap yang memabukkan adalah arak, setiap penggunaan banyak yang memabukkan, yang sedikit juga adalah haram.

Hadis di atas selaras dengan kaedah fiqh¹⁰¹:

إذا اجتمع الحلال والحرام غلب الحرام

Maksudnya:

Jika bercampur sesuatu yang halal dan juga yang haram, maka ia menjadi haram.

⁹⁸ Ibnū Majah Abū Abdullah Muhammad Bin Yazīd, (t.t.) *Sūnan Ibnū Majah*, Juz 10, (t.p.) h. 155, no. 3371.

⁹⁹ Abū ‘Abd Allah Badr al-Dīn Muḥammad bin Bahadīr Bin ‘Abdullah al-Zarkasyī (2000), *al-Manṭhur fi al-Qawā'id Fiqh Syafi'i*, juz. 1, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 55. Lihat juga Hadis : Ibnu Majah Abū Abdullah Muhammad Bin Yazid, (t.t.) *Sūnan Ibnū Majah*, Juz 10, (t.p.) h. 172. no. 3384.

¹⁰⁰ Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn bin ‘Alī al-Bayhaqī (t.t.), *Sūnān al-Kubrā*, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, juz. 8, no. 17393, h. 514.

¹⁰¹ Abdul Raḥman Bin Abī Bakar al-Syuyuti, (1403) *Al-Asybah wa Al-Nazā'ir*, Juz 1, Dār Kitāb Al-Ālāmīyah, Beirut. h.116.

Bertitik-tolak dari perbezaan tersebut, adalah jelas bahawa sesuatu makanan yang bercampur diantara bahan yang halal dan bahan yang haram, maka hukumnya adalah haram. Justeru, nabi Muhammad SAW telah bersabda dalam riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim¹⁰² :

عن أبي عبد الله النعمان بن بشير رضي الله عنهما قال : سمعت رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم يقول : إن الحلال بين وإن الحرام بين وبينهما أمور مشتهيات لا يعلمهن كثير من الناس فمن اتقى الشبهات فقد استبرأ لدينه وعرضه ومن وقع في الشبهات وقع في الحرام كالراعي يرعى حول الحمى يوشك أن يرتع فيه ألا وإن لكل ملك حمى ألا وإن حمى الله محارمه ألا وإن في الجسد مضغة إذا صلحت صلح الجسد كله وإذا فسدت فسد الجسد كله ألا وهي القلب.

Maksudnya: Daripada Abū Abdullah al-Nu'man ibn Başyer r.a. beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya perkara yang halal itu terang jelas, dan sesungguhnya perkara yang haram itu terang jelas, dan diantara kedua perkara tersebut ada perkara-perkara syubhat yang kesamaran yang kebanyakan orang tidak mengetahuinya. Barangsiapa yang menjaga perkara syubhat maka sesungguhnya dia telah membersihkan agamanya dan maruah dirinya. Dan barangsiapa yang terjatuh dalam perkara syubhat, maka dia telah jatuh dalam perkara haram, umpama seorang pengembala yang mengembala di sekeliling kawasan larangan, dibimbangi dia akan menceroboh masuk ke dalamnya. Ketahuilah bahawa setiap raja ada sempadan dan sesungguhnya sempadan Allah itu ialah perkara-perkara yang diharamkanNya. Ketahuilah bahawa dalam setiap jasad itu ada seketul daging yang apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah ia adalah hati.

¹⁰² Abū Al-Farj Abdul Raḥman Bin Aḥmad, (1408H), *Jami' Al-Ulum wal Hukum*, Dār Makrifah Beirut, h. 66. Lihat juga hadis : Muslim Bin Al-Hajaj Abū Al-Hasan Al-Qusyairī, (t.t.) *Sāḥiḥ Mūslim*, Juz 8, Mauqif Al-Islām, h. 290, no. 2996.

Prinsip makanan Kosher yang menerima arak telah menjadikan makanan mereka haram bagi umat Islam. Prinsip ini telah diubahsuai dan dicemari oleh Rabbai mereka sendiri yang menjadikan arak pada hukum asalnya *Therif* kemudiannya menjadi Kosher dengan sebab upacara korban kepada Tuhan dari orang Nazarite yang tidak dibenarkan minum arak kepada sebaliknya.¹⁰³ Tuntasnya, umat Islam adalah haram untuk memakan makanan Kosher kerana percampuran arak dalam pemprosesan makanan kosher adalah dibenarkan. Maka, makanan yang bercampur dengan arak adalah haram.¹⁰⁴

4.4 PERSAMAAN HALAL DAN KOSHER: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF PEMIKIRAN HUKUM ISLAM .

Al-Qur'ān secara tuntasnya, telah menjelaskan kepada umatnya berkaitan perkara yang halal dan juga perkara yang haram. Setiap perkara yang halal tidak boleh bercampur dengan sesuatu yang haram walaupun dalam kuantiti yang sedikit. Perkara ini merangkumi daripada sumber makanan sehingga kepada makanan yang telah siap dihidangkan untuk dimakan. Perkara ini dijelaskan menurut kaedah kaedah fiqh¹⁰⁵ berikut :

إذا اجتمع الحلال والحرام أو المبيح والمحرم غلب جانب الحرام

Maksudnya:

Apabila bercampur di antara halal dan haram atau harus dan haram, maka ia hampir kepada haram.

Ia disandarkan pada hadis Nabi SAW :¹⁰⁶

¹⁰³ Bilangan 6 : 13-14.

¹⁰⁴ Temubual melalui e-mail kepada Haider Z. Khattak, Pengarah *Islamic Food and Nutrition Council of America* (IFANCA) Canada, pada Hari Jumaat, 7 Aug, 2009 Jam 1:53 am.

¹⁰⁵ Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahman al-Suyūṭī (1959), *al-Asybah wa al-Nazā'ir fī Qawā'id wa Furū'i al-Syāfi'iyyah*, Jilid 1, Mesir: Syarikāh Maktābah wa Matba'ah Mustafa al-Babī al-Halabī, h. 105. Abū 'Abd Allah Badr al-Dīn Muhammad bin Bahadir bin 'Abd Allah al-Zarkasī (2000), *al-Manthūr fī al-Qawā'id Fiqh Syafi'i*. Juz. 1, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 50.

¹⁰⁶ Hadis ini adalah *ṭha'if* dan *mungati'*. Namun, kaedahnya tetap sah untuk diaplikasikan. Lihat lebih lanjut dalam Muḥammad Ṣadqī bin Aḥmad al-Burnū (2004), *Mawsū'ah al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, juz 9, Beirut : Mu'assasah al-Risalah, h. 33.

مَا اجْتَمَعَ الْحَلَالُ وَالْحَرَامُ إِلَّا غَلِبَ الْحَرَامُ الْحَلَالُ

Maksudnya:

Apabila bercampur di antara halal dan haram, maka ia hampir haram daripada halal.

Nabi SAW turut bersabda:¹⁰⁷

الْحَرَامُ لَا يَحْرَمُ الْحَلَالَ

Maksudnya:

Haram tidak boleh mengharamkan sesuatu yang halal.

Oleh yang demikian, prinsip kesepaduan di antara Kosher dan halal perlu merujuk kepada asas yang telah ditetapkan dalam agama Islam. Umat Islam dituntut untuk memilih makanan yang halal dan meninggalkan makanan yang haram dan syubhah supaya amalan yang dilakukan dapat diterima oleh Allah SWT. Jabatan yang memantau makanan halal di Amerika Syarikat iaitu INFANCA juga menyatakan pendirian bahawa makanan kosher adalah haram dimakan oleh umat Islam.¹⁰⁸

4.5 KESIMPULAN

Kewujudan Ahli Kitab yang beriman kepada kitab Taurat yang sebenar tidak dapat lagi dibuktikan dengan jelas pada masa kini. Tuntasnya, makanan Kosher adalah haram bagi umat Islam berdasarkan perbezaan prinsip peraturan makanan yang telah dijelaskan oleh pengkaji. Perbezaan ini meliputi pegangan mereka terhadap kepercayaan kepada Allah yang telah berubah dari ajaran kitab asal Taurat. Umat Islam tidak boleh mengambil jalan mudah untuk menjadikan makanan Kosher sebagai makanan alternatif terutamanya apabila mereka berada di luar negara memandangkan

¹⁰⁷ Ibnu Majah (2000) *Sunan Ibn Majah, kitab al-nikāh, bab lā yuḥarrimu al-harām al-ḥalāl*, no. hadis 2015, dalam Mawsū'ah al-Hadīth al-Šarīf al-Kutub al-Sittah, cet. 3, Arab Saudi: Dār al-Salām, h. 2597.

¹⁰⁸ Temubual melalui e-mail kepada Haider Z. Khattak, *Op. Cit.*

terdapat lambakan produk ini di sana. Mereka wajib mengutamakan makanan yang halal berbanding makanan Kosher yang amat meragukan.¹⁰⁹ Kelonggaran yang diberi oleh Allah dalam menerima makanan Ahli Kitab sepertimana dalam al-Qur'ān tidak boleh dipandang ringan tanpa menilai makanan tersebut berdasarkan syarat-syarat yang telah digariskan oleh Islam.

Berdasarkan majoriti umat Islam di Malaysia adalah pengikut mazhab Imam Syafi'i, maka sembelihan Ahli Kitab kini haram dimakan oleh umat Islam.¹¹⁰ Perkara ini merupakan pandangan Imam Syafi'i yang mengajak umat Islam supaya berhati-hati terhadap perkara yang syubhah dalam kehidupan agar dapat ditinggalkan kerana dikhuatri jatuh kepada hukum haram. Bukan sekadar sembelihan mereka adalah haram, bahkan perkahwinan dengan penganut Yahudi kini juga adalah haram berdasarkan pandangan al-Syafi'i dan al-Ghazāli.

Pendekatan prinsip halal dalam syariat Islam terhadap makan Kosher bukanlah suatu percubaan menserasikan Yahudi dengan Islam yang sudah pasti dari segi akidah Yahudi memang telah diselewengkan. Sebaliknya penganut Yahudi wajar mendekati dan memahami semula teks ajaran mereka dengan harapan penganut Yahudi merujuk semula kepada ajaran asal mereka. Tuntasnya, makanan Kosher bukanlah anjuran dalam agama Islam dan umat Islam wajib memilih makanan yang halal bersesuaian dengan tuntutan dan falsafah ajaran Islam yang diwahyukan Allah.

¹⁰⁹ Temubual melalui e-mail kepada Masood Khawaja, *President Halal Food Authority*, 109 Fulham Palace Rd, London, W6 8JA, England, Pada Hari Rabu 30 Jun, 2010 Jam 11:33 PM.

¹¹⁰ Temubual bersama En Lokman Bin Abd. Rahman, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Hub Halal, JAKIM pada 20 September 2011.